

Rumah kondominium

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin secara tidak langsung telah menolak saranan supaya Kerajaan membatalkan projek perumahan rumah rakyat jenis kondominium, sekurang-kurangnya untuk orang Melayu. Bantahan utama yang pernah dikemukakan, seperti oleh Encik Tamrin Ghafar, Ketua Biro Perumahan Pemuda UMNO, ialah bahawa rumah jenis ini tidak bersesuaian dengan cara hidup orang Melayu. Tetapi Dr Mahathir memberi tiga sebab mengapa rumah jenis kondominium ini harus kekal: politik, kebudayaan dan mengekalkan milik tanah Melayu di luarbandar.

Penggalakan orang Melayu berhijrah ke bandar sebenarnya dibuat mengikut Dasar Ekonomi Baru. Oleh kerana peluang dan kemudahan lebih banyak didapati di dalam bandar, adalah wajar semua kaum diberi peluang menikmatinya. Jika orang Melayu tidak digalakkan ke bandar, bukan saja mereka tidak turut menikmati peluang dan kemudahan yang lebih di dalam bandar itu, tetapi juga kita akan terus mengekalkan pengenalan masyarakat mengikut tempat seperti lama — dan juga kedudukan ekonomi mereka.

Dengan penghijrahan bilangan orang Melayu yang berpatutan ke bandar juga, seperti dijelaskan oleh Dr Mahathir kelmarin, kebudayaan kebangsaan mempunyai peluang yang lebih baik dan segera dicerminkan di seluruh negara. Tetapi ini memerlukan orang Melayu yang tinggal di bandar itu mempunyai rumah yang sempurna dan teratur — bukannya setinggalan. Kerana itu menjadi tanggungjawablah kepada Kerajaan — sesudah penghijrahan itu berlaku seperti sekarang — untuk mengaturkan kediaman yang sempurna itu. Tetapi tanah menjadi masalah yang besar di bandar. Supaya, jika boleh, setiap yang tinggal di bandar mempunyai rumah yang sempurna, lebih banyak rumah mesti didirikan di atas tanah yang sedikit. Kerana itulah Kerajaan mendapat jawapannya dalam konsep rumah kondominium yang disesuaikan mengikut kemampuan golongan berpendapatan rendah dan sederhana dan juga tuntutan cara hidup mereka. Bagaimanapun, seperti ditegaskan oleh Dr Mahathir lagi, orang Melayu terpaksa memberi sedikit pengorbanan kerana tidak seluruh cara hidup di kampung dapat disesuaikan ke dalam kediaman di bandar.

Jika konsep kondominium ini tidak di-amalkan, pilihan yang terbuka ialah melimpahkan kawasan perumahan untuk penduduk bandar ke luarbandar. Bahayanya ialah kepupusan tanah milik Melayu di luarbandar dan berjangkitnya masalah sosial penduduk bandar ke sana. Kerana itu, walaupun kurang menyenangkan, kita terpaksa belajar hidup dengan konsep kondominium itu.